

28 JUN 2000

OIC-Wanita

WANITA UMNO TIMBA PENGALAMAN HADIR SIDANG ICFM

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Sekumpulan sembilan anggota Pergerakan Wanita Umno yang menghadiri sidang pleno pada sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini akan menggunakan kesempatan itu untuk menimba pengalaman di samping memperkenalkan pergerakan itu kepada negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Hajah Illani Datuk Isahak, selaku pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsa pergerakan itu, berkata peluang pertama kali Wanita Umno menghadiri sidang ICFM itu akan digunakan sebaik mungkin.

"Sebagai kumpulan pemerhati, kami akan mengambil nota yang menyentuh mengenai isu-isu kepentingan wanita dan negara," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata, anggota pergerakan itu akan mendekati diri dengan wakil-wakil daripada 56 negara OIC yang menghadiri persidangan itu.

Menurutnya, kumpulan itu yang bertindak sebagai pemerhati akan hanya mengambil bahagian dalam sidang pleno jika diberi kesempatan.

"Kami akan ikut agenda yang ditetapkan dalam sidang pleno itu yang akan menyentuh isu-isu berkaitan hal ehwal politik, ekonomi, sosial, undang-undang, kebudayaan serta sains dan teknologi," katanya.

Persidangan empat hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Sebanyak 1,000 anggota perwakilan dari negara-negara anggota OIC menghadiri mesyuarat itu yang dianjurkan kali kedua oleh Malaysia. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat itu buat kali pertama pada 1974.

Illani berkata peluang menemui wakil-wakil dari negara anggota OIC akan membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai isu-isu wanita di negara masing-masing.

Mengenai OIC, beliau bersetuju supaya persepsi masyarakat bahawa badan antarabangsa itu hanya pandai bercakap diubah.

"Badan itu hendaklah menjadi badan yang disegani dan tidak harus ketinggalan zaman," katanya.

-- BERNAMA

NZ AKD